

14/07/1999

PM potong kek sempena mesyuarat Kabinet

RAI ... Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memotong kek dihias dengan lakaran peta Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dihadiahkan Hotel Renaissance Palm Garden, sempena mesyuarat Kabinet pertama di pejabat Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya, Sepang, baru-baru ini.

Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan Pengurus Besar hotel berkenaan, Richard Saul.

Pengurus Perhubungan Awam hotel berkenaan, Farah Halim, berkata hotel itu dipilih menghidangkan makan tengah hari untuk Perdana Menteri dan Menteri Kabinet berikutan mesyuarat Kabinet pertama yang diadakan di situ.

"Selain berterima kasih kepada JPM kerana diberi peluang itu, kami turut berasa bangga kerana dapat `berjiran' dengan JPM yang kedudukannya hanya lima minit perjalanan dari hotel," tanya.

"Sebagai tanda alu-aluan dan penghargaan, kami menghadiahkan kek istimewa untuk Perdana Menteri yang dihias dengan lakaran peta Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

(END)